



Perubahan Demografi dan Kajian Mengenai Warga Tua Di Malaysia: Sumbangan Sarjana Tempatan

WAN IBRAHIM WAN AHMAD

ABSTRAK

Penuaan penduduk atau pertambahan penduduk tua dikatakan sebagai fenomena abad ke-21. Pertambahan warga tua merupakan akibat langsung pembaikan aspek kesihatan yang terjadi seiring dengan penurunan kadar fertiliti dan mortaliti serta peningkatan jangka hayat penduduk. Pada hari ini penuaan penduduk menimbulkan banyak masalah bukan sahaja kepada negara maju tetapi juga kepada negara membangun. Makalah ini membincangkan keadaan warga tua di Malaysia. Bahagian akhir makalah ini membincangkan sumbangan sarjana tempatan ke atas kajian mengenai warga tua di Malaysia.

ABSTRAK

Population ageing or the increasing proportion of older population is a 21st century phenomenon. The increase in the older population is a direct result of improvements in health conditions, together with lower fertility and lower mortality rates, as well as greater average life expectancy. Today population ageing has become a challenge not only for developed countries but developing ones as well. This article focuses on the situation of the older population in Malaysia. The last part of the article discusses the contributions of Malaysian scholars on research of the older persons in Malaysia.

PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini isu berkaitan warga tua menjadi semakin penting dalam agenda semua negara membangun, termasuk Malaysia, dan kerana itu isu ini telah berjaya menarik perhatian ramai penyelidik dan sarjana tempatan. Dalam masa hanya kira-kira satu dekad atau lebih sedikit sahaja sejak warga tua mula mendapat perhatian di Malaysia, banyak isu warga tua telah menjadi sasaran penyelidikan di peringkat universiti. Ramai sarjana tempatan berusaha merebut peluang meneroka isu yang masih baru ini. Walaupun sudah banyak kajian yang telah menganalisis pelbagai persoalan warga tua sehingga

sekarang, tetapi usaha menganalisis sumbangan sarjana tempatan ke atas kategori penduduk ini di Malaysia masih boleh dikatakan belum ada. Oleh itu persoalan berkaitan dengan tokoh dan sumbangan serta tumpuan kajian mereka dalam konteks Malaysia masih belum diteroka sepenuhnya. Makalah ini bertujuan membincangkan aspek ini dalam konteks perubahan demografi di Malaysia serta cuba menonjolkan isu yang timbul akibat pertambahan kategori penduduk ini.

Perubahan demografi adalah satu konsep yang terjadi akibat perubahan dalam dua komponen penting demografi, iaitu kematian (mortaliti) dan kelahiran (fertility). Akibat penurunan angka kematian dan kelahiran ini, ditambah dengan peningkatan jangkaan hidup penduduk, yang disebabkan oleh kesedaran ke atas aspek pemakanan masyarakat dan kemajuan dalam aspek teknologi perubatan yang menjadikan banyak penyakit yang mematikan sebelum ini dapat disembuhkan, akhirnya menjadikan penduduk tua di seluruh dunia bertambah. Proses di mana terjadinya pertambahan penduduk tua dalam struktur penduduk disebut sebagai penuaan penduduk. Pada hari ini penuaan penduduk terjadi di mana-mana kerana warga tua merupakan satu kategori penduduk yang sedang mengalami peningkatan. Semua masyarakat sedang mengalami pertambahan warga tua yang pesat dan kerana itu dikatakan semua masyarakat sekarang ini sedang melalui proses penuaan penduduk. Pertambahan penduduk tua atau penuaan penduduk dikatakan fenomena abad ke-21, dan ia mula dirasai pada abad ke-20 akibat perubahan demografi yang terjadi di negara maju. Sebelum abad ke-20 tidak ramai penduduk mencapai umur tua seperti pada hari ini.

Warga tua merupakan konsep yang subjektif dan kerana itu agak sukar untuk mengatakan bila seseorang itu sepatutnya dikatakan tua. Ada orang yang dari segi umur kronologinya masih muda, tetapi sudah kelihatan tua, ataupun sebaliknya. Terdapat banyak pendekatan untuk mendefinisikan warga tua. Ada orang yang mendefinisikan warga tua berasaskan kemampuan fungsional warga tua, iaitu bentuk kemampuan atau peranan yang selari dengan tahap perkembangan seseorang dalam struktur sosialnya sama ada merujuk kepada peranan sosial ataupun fungsi-fungsi mentalnya. Ada juga orang yang mendefinisikan warga tua berasaskan kepada perubahan bentuk tubuh badan seseorang secara fizikal. Pendekatan paling mudah dan paling meluas diguna untuk mendefinisikan warga tua ialah pendekatan umur secara kronologi. Warga tua dalam kertas kerja ini adalah ditafsirkan secara kronologi, iaitu penduduk yang berumur di antara 60 tahun dan ke atas, satu kategori penduduk yang sekarang ini sedang mengalami peningkatan sekuler dalam masyarakat.

Berdasarkan umur kronologi ahli gerontologi ataupun sosiologi warga tua telah meletakkan umur 60 atau 65 tahun sebagai ukuran warga tua. Oleh itu seseorang dikatakan tua apabila mencapai umur 60 atau 65 tahun. Bagaimanapun ukuran ini masih belum begitu mutlak. Ada negara yang meletakkan umur 55 tahun sebagai warga tua. Bahagian Kependudukan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Amerika Syarikat umpamanya, menggunakan kedua-dua had umur 60 ataupun 65 sebagai ukuran warga tua. Institut Penuaan Kebangsaan dan pejabat Pentadbiran Penuaan, Amerika Syarikat, masing-masing menggunakan had umur 65 tahun dan had umur 60 (Myers, 1990). Oleh itu terdapat perbezaan penggunaan umur 60 atau 65 tahun ini di antara negara ataupun di antara agensi dalam suatu negara. Perbezaan-perbezaan ini pada asasnya berkaitan dengan had umur bersara bagi pekerja di sektor awam negara masing-masing. Di negara maju disebabkan jangkaan hayat penduduk lebih panjang, maka had umur bersara pekerja di sektor awam adalah lebih tinggi, iaitu 60 atau 65 tahun. Di negara membangun, termasuk ASEAN, kerana had umur bersara yang rendah, had umur 60 tahun digunakan sebagai had umur warga tua.

Perbincangan dalam kertas juga ini merupakan usaha untuk memperihalkan sumbangan sarjana tempatan dalam mewarnai perkembangan kajian mengenai warga tua di Malaysia. Data untuk perbincangan dalam makalah ini adalah data sekunder diperoleh daripada pelbagai kajian yang telah dibuat oleh pelbagai sarjana berkaitan di Malaysia. Pertambahan warga tua memerlukan keluarga, komuniti dan negara memikirkan kaedah-kaedah tertentu dalam konteks pengurusan kebajikan sosial golongan ini. Oleh yang demikian kehadiran warga tua menimbulkan kesan tertentu ke atas keluarga, komuniti serta negara secara keseluruhan. Selaras dengan itu selepas membincangkan pola pertumbuhan kategori penduduk ini, secara konseptual makalah ini cuba memaparkan perkembangan disiplin berkaitan warga tua kini serta menonjolkan beberapa kajian yang telah dibuat mengenai warga tua.

PERUBAHAN DEMOGRAFI DAN PERTUMBUHAN WARGA TUA GLOBAL

Di seluruh dunia kategori penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mengalami peningkatan yang semakin menakjubkan. Warga tua ialah satu kategori penduduk yang telah melewati umur tertentu dalam proses perkembangannya. Sebelum abad ke-20 tidak ramai penduduk yang mencapai umur tua yang melayakkan mereka dipanggil warga tua. Revolusi yang terjadi dalam teknologi perubatan moden di awal abad ke-20 menyebabkan banyak penyakit yang mematikan sebelum ini dapat disembuhkan. Dengan yang demikian jangkaan hayat penduduk menjadi semakin panjang dan dengan itu jumlah warga tua dalam masyarakat menjadi semakin ramai. Di peringkat

global pada 1980 jumlah warga tua ialah 259 juta. Jumlah tersebut meningkat kepada 761 juta pada tahun 2025. Dalam tahun tersebut, dianggarkan terdapat seorang penduduk berumur 65 tahun dan lebih dalam setiap tujuh orang penduduk dunia (Myers, 1985). Menurut anggaran (PBB.,1988), penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia pada 2000 berjumlah 402.9 juta. Daripada jumlah ini 166.0 juta terdapat di negara maju dan 236.9 juta di negara membangun. Dalam tahun 2025 pula penduduk tua di dunia ialah 760.6 juta. Kira-kira 230.3 juta daripadanya terdapat di negara maju dan 530.4 juta di negara membangun. Dari segi peratus pada 2025 negara membangun mempunyai 72 peratus penduduk tua, sementara hanya 28 peratus di negara maju. Oleh itu pada abad ini penduduk tua banyak tertumpu di negara membangun. Mengikut satu anggaran lagi (PBB 1991; Jadual 1) dunia keseluruhannya mempunyai 7.1 peratus penduduk berumur 65 tahun dan lebih dalam struktur penduduknya pada tahun 2005. Oleh itu dikatakan dunia mendapat status berpenduduk tua pada tahun tersebut, kerana planet bumi ini mempunyai lebih tujuh peratus penduduk berumur 65 tahun dan lebih dalam struktur penduduknya. Pertubuhan Bangsa Bersatu meletakkan sesuatu negara itu sebagai berpenduduk tua apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih dalam struktur penduduknya berjumlah tujuh peratus atau lebih (Masitah dan Nazileh 1988).

Jadual 1
Jumlah dan Peratusan Penduduk Berumur
65 Tahun dan Lebih di Dunia: 1950-2025 (000)

| Tahun | Dunia | | Negara Maju | | Negara Membangun | |
|-------|--------|-----|-------------|------|------------------|-----|
| | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % |
| 1950 | 127808 | 5.1 | 63566 | 7.6 | 64242 | 3.8 |
| 1960 | 160067 | 5.3 | 80250 | 8.5 | 79817 | 3.8 |
| 1970 | 200137 | 5.4 | 101007 | 9.6 | 99120 | 3.7 |
| 1980 | 263986 | 5.9 | 130858 | 11.5 | 133129 | 4.0 |
| 1990 | 327633 | 6.2 | 145614 | 12.1 | 182018 | 4.5 |
| 2000 | 424516 | 6.8 | 172820 | 13.7 | 251696 | 5.0 |
| 2005 | 475952 | 7.1 | 185644 | 14.4 | 290319 | 5.3 |
| 2015 | 597804 | 7.8 | 210735 | 15.9 | 387136 | 6.1 |
| 2025 | 828164 | 9.7 | 257028 | 19.0 | 571136 | 8.0 |

Sumber: Population Ageing in Asia, Asian Population Studies Series No. 108, PBB 1991 (disesuaikan oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad, 1999)

Penuaan penduduk merupakan satu proses yang tidak sama rata di antara semua bahagian geografi di dunia. Ada sebahagian negara bukan sahaja mempunyai jumlah warga tua yang ramai dalam struktur penduduknya, tetapi juga menerima peratusan pertambahan yang amat cepat, sementara negara lain mempunyai peratusan penduduk tua secara relatifnya masih kecil. Pertambahan warga tua bermula di negara maju, terutama di Eropah Barat dan Amerika Utara, diikuti negara membangun di rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin. Ini kerana revolusi demografi bermula di bahagian dunia ini. Oleh kerana itu penuaan penduduk di negara maju sudah lama bermula. Malah sejak 1950 dahulu lagi, walaupun ada negara tertentu dalam bahagian dunia ini yang masih mempunyai proporsi penduduk tua yang agak kecil, bahagian dunia ini sebagai satu region, telah mendapat status penduduk tua kerana pada waktu itu peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih di kawasan itu ialah 7.6 peratus.

Dari segi demografi pertambahan pesat warga tua dalam masyarakat maju berkaitan dengan penurunan kadar mortaliti dan fertiliti yang cepat yang berlaku sejurus selepas Revolusi Industri di Eropah Barat. Penurunan ketara kadar mortaliti dan fertiliti ini juga berkaitan dengan tahap kemajuan dan pembangunan sosioekonomi serta pemodenan dalam masyarakat maju itu sendiri yang menjadi ketara selepas Perang Dunia II. Negara yang mempunyai tahap kemajuan sosioekonomi yang lebih tinggi, seperti dalam masyarakat maju di Eropah Barat dan Amerika Utara, mempunyai kadar mortaliti dan fertiliti yang lebih rendah. Peratusan warga tua di negara maju mengalami peningkatan yang amat pesat, dan sekarang ini peratusan kategori penduduk ini dalam struktur penduduknya adalah tinggi. Bagi negara membangun pula walaupun pertambahan peratusannya agak perlahan, dari segi jumlah, pada hari ini ia menampung sebahagian besar warga tua dunia.

Berasaskan Jadual 2, Eropah merupakan bahagian dunia yang mempunyai jumlah penduduk tua paling besar, sementara Afrika merupakan bahagian dunia yang mempunyai jumlah warga tua paling kecil. Afrika juga merupakan bahagian dunia yang paling lambat mendapat status penduduk tua di peringkat global. Mengikut kawasan geografi utama dunia, Eropah merupakan bahagian dunia yang mempunyai proporsi penduduk berumur 65 tahun dan lebih yang paling ramai. Pada tahun 2000, Eropah mempunyai 14.3 peratus penduduk umur ini dalam struktur penduduknya, dan dijangka akan terus menjadi peneraju utama di peringkat global dalam beberapa dekad yang akan datang. Malah pada 2025, dalam 10 orang penduduk, terdapat lebih daripada seorang penduduk berumur 75 tahun dan lebih di Eropah (Kinsella dan Taeuber 1993). Pada 2000, dianggarkan Eropah dianggap benua yang mempunyai penduduk tua paling ramai. Semua benua, Asia, Afrika, dan Amerika Latin, akan mendapat status berpenduduk tua pada tahun 2050.

Menyedari jumlah dan peratusan warga tua yang semakin bertambah dalam semua masyarakat di dunia, pada tahun 1982, Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) telah mengadakan perhimpunan sedunia (*the World Assembly on Aging*) di Vienna membincangkan isu-isu berkaitan dengan akibat penuaan penduduk di dunia. Melalui perhimpunan itu, satu pelan tindakan, iaitu *the Vienna International Plan of Action*, dipersetujui dilaksanakan semua negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kerajaan, pembuat polisi dan orang ramai tentang konsekwensi yang ditimbulkan oleh penuaan penduduk. Berikutan itu digalakkan semua negara memberikan keutamaan dan perhatian serius kepada usaha penyelidikan berkaitan dengan warga tua. Plan tindakan ini secara khususnya merekomenkan bahawa:

“International exchange and research co-operation as well as data collection should be promoted in all fields having a bearing on aging, in order to provide a rational basis for future social policies and action. Special emphasis should be placed on comparative and cross-cultural studies on aging. Interdisciplinary approaches should be stressed (PBB 1982)”

Jadual 2
Peratus Penduduk Berumur 65 Tahun dan Lebih
di Dunia Mengikut Benua: 1950-2050

| Benua | 1950 | 1975 | 2000* | 2025* | 2050* |
|---------------|------|------|-------|-------|-------|
| Afrika | 3.5 | 3.1 | 3.2 | 4.8 | 9.3 |
| Amerika Latin | 3.4 | 4.0 | 4.7 | 6.9 | 12.2 |
| Amerika Utara | 8.1 | 10.3 | 12.1 | 17.0 | 17.5 |
| Asia timar | 4.7 | 5.5 | 7.8 | 13.4 | 17.1 |
| Asia Selatan | 3.4 | 3.0 | 3.7 | 6.2 | 12.2 |
| Eropah | 8.7 | 12.3 | 14.3 | 17.1 | 17.7 |
| Australia/N.Z | 7.5 | 7.6 | 8.9 | 12.5 | 15.4 |
| USSR | 6.1 | 8.9 | 12.0 | 14.3 | 16.4 |

* Pelunjuran

Sumber: Disesuaikan daripada Hooyman dan Kiyak (1988)

Berikutan itu, proses dan akibat penuaan penduduk telah mendapat perhatian meluas di semua negara, negara maju ataupun membangun, termasuk Malaysia. Di peringkat regional, negara di Asia dan Pasifik, dalam satu konferensinya, iaitu *the Third Asian and Pacific Population Conference*

yang diadakan di Colombo pada 1982, menyeru negara-negara ahli meningkatkan kesedaran mengenai implikasi penuaan penduduk, termasuk meningkatkan usaha penyelidikan ke atas implikasi peningkatan warga tua dalam masyarakat serta meneroka pendekatan alternatif untuk menjaga kebajikan warga tua, keluarga serta komuniti. *The International Conference on Population* (1984) juga turut menyatakan penuaan penduduk telah menjadi satu isu penting kepada negara maju, dan turut menjadi satu isu yang sama juga di negara membangun berikutan penurunan kadar fertiliti yang dialami di negara berkaitan. Konferens tersebut merekomenkan usaha-usaha perlu diambil oleh negara untuk menganalisis isu penuaan penduduk ini, terutama implikasinya ke atas pembangunan, perkhidmatan sosial, penjagaan kesihatan dan lain-lain implikasi yang berkaitan (PBB 1987). Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran negara dan penduduk mengenai implikasi penuaan penduduk ini juga, *the Second World Assembly on Aging* telah diadakan pada 2002 di Madrid. Selain itu PBB juga telah menjadikan tahun 1999 sebagai Tahun Warga Tua. Selaras dengan kesedaran dan itu perhatian ke atas isu warga tua, termasuk usaha penyelidikan menjadi semakin bertambah meluas.

PERTUMBUHAN WARGA TUA DI MALAYSIA

Pertambahan warga tua dalam masyarakat adalah fenomena global, terjadi di mana-mana termasuk di Malaysia. Walaupun sehingga ke hari ini Malaysia masih mempunyai jumlah penduduk berumur 65 tahun dan lebih yang kecil dan masih belum dikategorikan sebagai negara berpenduduk tua jika dibandingkan dengan negara Barat, tetapi jumlah dan peratusannya semakin bertambah. Terdapat tanda-tanda Malaysia sedang menuju ke arah penuaan (Heisil 1984). Ini berikutan peningkatan jumlah warga tua dalam struktur penduduk secara sekuler. Pada 1970 penduduk berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia ialah seramai 316, 852 orang dan ia meningkat menjadi 788, 000 orang pada 1995 (Jadual 3). Dari segi peratusnya, ia meningkat daripada 3.1 peratus (1970), kepada 3.9 peratus (1995) dan meningkat kepada 4.2 peratus (2000) dan dijangka mencapai 7.3 peratus pada 2020 (PBB 1991). Berdasarkan pelunjuran ini pada 2020 warga tua berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia berjumlah 7.3 peratus. PBB (1988) mengkategorikan sesebuah negara sebagai berpenduduk tua apabila warga tua berumur 65 tahun dan lebih di negara tersebut berjumlah tujuh peratus atau lebih. Malaysia yang dijangkakan mempunyai warga tua sebanyak 7.3 peratus mendapat status berpenduduk tua pada 2020.

Penurunan drastik dalam aspek fertiliti ini adalah akibat langsung perubahan dan kemajuan pesat dalam pembangunan sosio ekonomi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Kemajuan sosio ekonomi mempengaruhi

pola kehidupan berkeluarga, khususnya ke atas variabel keluarga yang dapat diperhatikan melalui semakin lewatnya penduduk memulakan perkahwinan pertama serta semakin ramai yang menginginkan anak yang sedikit. Dengan menurunnya fertiliti menyebabkan warga tua dalam struktur penduduk meningkat. Oleh itu proses penuaan ada kaitannya dengan kadar fertiliti. Jumlah warga tua meningkat apabila fertiliti dalam masyarakat itu menurun. Apabila fertiliti dan mortaliti berada pada tahap yang rendah maka struktur penduduk mempunyai warga tua yang ramai. Berasaskan tahap fertiliti belum lagi menurun sepenuhnya, Malaysia bolehlah dikatakan masih berada di peringkat ketiga dalam transisi ini, kerana kadar fertiliti, walaupun sudah menurun, tetapi masih lagi tinggi. Oleh itu jumlah penduduk tua dalam struktur penduduk di Malaysia, walaupun mengalami peningkatan, tetapi jumlahnya masih belum begitu besar.

Jadual 3
Taburan dan Peratusan Penduduk Berumur
65 Tahun dan Lebih di Malaysia (1970 – 2020)

| Tahun | Penduduk 60 + | | Penduduk 65 + | |
|-------|---------------|---------|---------------|---------|
| | Jumlah | Peratus | Jumlah | Peratus |
| 1970 | 539118 | 5.2 | 316852 | 3.1 |
| 1975 | 554818 | 5.5 | 356631 | 3.5 |
| 1980 | 745152 | 5.7 | 475407 | 3.6 |
| 1985 | 706902 | 5.2 | 464272 | 3.4 |
| 1991 | 1032310 | 5.9 | 657401 | 3.7 |
| 1995 | 1194000 | 6.0 | 788000 | 3.9 |
| 2000 | 1450000 | 6.6 | 919000 | 4.2 |
| 2005 | 1705000 | 7.2 | 1133000 | 4.8 |
| 2010 | 2094000 | 8.3 | 1340000 | 5.3 |
| 2015 | 2596000 | 9.7 | 1665000 | 6.2 |
| 2020 | 3216000 | 11.3 | 2079000 | 7.3 |

Sumber:

Jabatan Perangkaan Malaysia (1973; 1974; 1983; 1985).

PBB (disesuaikan oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad, 1999; 2006; Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2006a)

Peningkatan drastik jumlah warga tua ini adalah akibat langsung daripada penurunan fertiliti di negara ini. Penurunan fertiliti menjadikan jumlah penduduk muda dalam struktur penduduk menurun, dan dalam masa

yang sama jumlah warga tua bertambah. Pada tahun 1970 penduduk umur 0 – 14 tahun berjumlah hampir separuh penduduk di Malaysia, tetapi peratusannya terus menurun menjadi 30.4 peratus (2020). Selaras dengan penurunan penduduk muda ini ialah terjadinya peningkatan peratusan penduduk tua. Peratusan penduduk tua bertambah daripada 5.2 peratus menjadi 6.3 peratus (2000) dan terus meningkat menjadi 10.0 peratus (2020). Oleh itu dapat Malaysia sekarang sedang mengalami transisi daripada pengurangan jumlah penduduk muda kepada peningkatan penduduk tua, iaitu sedang mengalami proses penuaan penduduk. Transisi pengurangan jumlah penduduk muda dan peningkatan jumlah penduduk tua ini dapat diperhatikan melalui Jadual 4 di bawah.

Jadual 4
Peratus Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Malaysia: 1970-2020

| Kumpulan Umur | 1970 | 1980 | 1991 | 2000 | 2020 |
|---------------|------|------|------|------|------|
| 14 dan kurang | 44.9 | 39.6 | 36.7 | 33.5 | 30.4 |
| 15 – 59 | 49.9 | 54.8 | 57.5 | 60.2 | 59.8 |
| 60 dan lebih | 5.2 | 5.6 | 5.8 | 6.3 | 10.0 |

Sumber: Disesuaikan daripada Jean Pala (2005)

Seperti di tempat-tempat lain, taburan geografi warga tua ini berbeza-beza di antara negeri dengan negeri yang lain. Perbezaan ini pada asasnya adalah disebabkan oleh perbezaan dalam tahap pembangunan sosioekonomi sesuatu negeri (Jadual 5).

Pada tahun 1991 peratusan penduduk berumur 60 tahun dan lebih di Malaysia menjulat di antara serendah-rendahnya 3.4 peratus di Sabah kepada 7.9 peratus di Perlis. Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Melaka merupakan negeri yang mempunyai peratusan penduduk tua yang agak tinggi di Malaysia, melebihi tujuh peratus. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan (K.L) dan Pahang adalah tiga negeri yang mempunyai peratusan penduduk ini di bawah lima peratus. Pada tahun 2000 negeri yang mempunyai peratusan melebihi tujuh peratus bertambah daripada lima kepada tujuh buah iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan. Peratusannya pula menjulat daripada serendah 3.9 peratus (Sabah) kepada 9.2 peratus (Perlis). Adalah diperhatikan warga tua berumur 60 tahun dan lebih bertambah di semua negeri. Tingginya peratusan warga tua di negeri-negeri tertentu seperti yang ditunjukkan adalah disebabkan berlakunya fenomena migrasi ke bandar-bandar penduduk muda mencari peluang pekerjaan ataupun pendidikan.

Jadual 5
Taburan Jumlah dan Peratusan Penduduk Berumur
60 Tahun dan Lebih Malaysia Mengikut Negeri: 1991 & 2000

| Tahun | 1991 | | 2000 | |
|--------------|--------|---------|--------|---------|
| | Jumlah | Peratus | Jumlah | Peratus |
| Perlis | 14500 | 7.9 | 18600 | 9.2 |
| Kedah | 95000 | 7.3 | 129900 | 8.0 |
| Pulau Pinang | 80200 | 7.5 | 100700 | 8.0 |
| Perak | 146200 | 7.8 | 186500 | 9.4 |
| Selangor | 106800 | 4.7 | 184200 | 4.5 |
| W.P (K.L.) | 54800 | 4.8 | 70700 | 5.4 |
| N/Sembilan | 46300 | 6.7 | 61900 | 7.4 |
| Melaka | 39100 | 7.7 | 50300 | 8.2 |
| Johor | 120800 | 5.8 | 167500 | 6.4 |
| Pahang | 45700 | 4.4 | 69800 | 5.6 |
| Terengganu | 43500 | 5.7 | 54500 | 6.1 |
| Kelantan | 78400 | 6.6 | 94100 | 7.3 |
| Sarawak | 99800 | 6.1 | 131600 | 6.5 |
| Sabah | 59400 | 3.4 | 89300 | 3.9 |

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan (Pelbagai tahun)

ISU-ISU KEBAJIKAN SOSIAL WARGA TUA DI MALAYSIA

Akibat peningkatan jumlah warga tua dalam masyarakat adalah pelbagai, dan konsekuensinya turut dirasai individu, keluarga, masyarakat atau negara sendiri. Dengan adanya warga tua dalam keluarga, anak-anak terpaksa membahagikan tugas menjaga anak-anak mereka sendiri di samping menjadi penjaga ibu bapa yang sudah tua. Masalah boleh timbul di sini sebab tidak semua ibu bapa dijaga dengan baik, sedangkan keupayaan fizikal mereka untuk aktif bekerja semakin menurun. Ada warga tua yang terabai dan hidup merempat walaupun mempunyai anak yang ramai. Keadaan ini bertentangan dengan sistem nilai orang Melayu, malah ia boleh mempengaruhi kualiti hidup mereka sebagai warga tua. Disebabkan jumlah warga tua yang semakin bertambah, banyak isu kebajikan mereka perlu difikirkan. Peningkatan penduduk ini dalam masyarakat akan memaksa kerajaan memikirkan

program dan perkhidmatan tertentu yang sesuai dengan kehendak golongan ini. Kerajaan juga berkemungkinan perlunya memikirkan kembali orientasi pembangunan negara supaya, selain hasil pembangunan dapat dinikmati secara adil oleh semua kategori penduduk, juga perlunya melibatkan golongan tua ini dalam pembangunan supaya mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara. Perubahan struktur keluarga, tingginya arus migrasi belia dari desa ke bandar serta berkurangnya kadar fertiliti yang boleh mengurangkan sumber penjagaan warga tua akibat pembangunan semasa, juga perlu difikirkan kembali dengan serius. Banyak isu boleh timbul, antaranya isu perubahan keluarga, penghijrahan belia ke bandar, sokongan dan penjagaan, masalah kesihatan dan kesempaan, pekerjaan dan jaminan kewangan, masalah perumahan dan lain-lain (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2006b).

Perubahan Keluarga

Institusi keluarga di Malaysia sekarang ini mengalami perubahan pesat. Perubahan ini boleh meninggalkan kesan ke atas kebajikan warga tua. Akibat proses modernisasi dan industrialisasi, dan sekarang ini globalisasi menjadikan institusi keluarga terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Antara aspek yang menonjol ialah semakin mengecilnya saiz keluarga serta semakin ramai keluarga diterajui ibu tunggal. Ekoran mengecilnya saiz keluarga dan semakin ramai ibu tunggal dalam masyarakat boleh meninggalkan dampak tertentu ke atas kebajikan warga tua. Ini kerana dalam konteks keluarga adalah asas kepada sokongan dan penjagaan warga tua. Individu yang ada dalam institusi keluarga, khususnya anak, lebih-lebih lagi anak perempuan, merupakan sumber penjagaan utama warga tua. Dengan mengecilnya saiz keluarga semakin berkurang sumber yang dapat memberikan penjagaan kepada warga tua. Dalam masa yang sama tradisi keluarga luas dalam masyarakat juga semakin tidak digemari generasi muda hari ini. Anak yang mendirikan rumah tangga akan segera membina kehidupan mereka sendiri yang jauh dan terasing daripada rumah ibu bapa mereka. Perubahan di atas meninggalkan kesan ke atas warga tua kerana kebanyakan warga tua di Malaysia, atau warga tua di negara membangun yang lain, disebabkan kekurangan pendapatan, masih tidak mempunyai kemampuan untuk hidup berdikari.

Penghijrahan Belia ke Bandar

Penghijrahan belia ke bandar-bandar merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Generasi muda perlu mendapatkan kedudukan ekonomi yang kukuh untuk masa depan mereka, dan kerana itu sebahagiannya terpaksa berhijrah ke bandar-bandar yang menawarkan peluang pekerjaan yang pelbagai. Dalam masa yang sama warga tua di kampung semakin kehilangan

sumber penjagaan. Generasi tua yang anaknya berhijrah ke bandar boleh berhadapan dengan masalah penjagaan. Walaupun ada jenis penjagaan tertentu dapat diberikan tanpa kehadiran generasi muda bersama warga tua di rumah, tetapi ada masanya warga tua memerlukan anak-anak hadir bersama di rumah untuk memberikan penjagaan yang sempurna. Banyak kajian menunjukkan faktor jarak geografi memainkan peranan penting dalam menentukan kekerapan generasi muda menziarahi warga tua di kampung.

Sistem Sokongan dan Penjagaan

Warga tua adalah golongan yang lemah keupayaan fizikalnya. Ini kerana umur tua selalunya juga disertai penurunan taraf kesihatan fizikal. Walaupun ada warga tua yang sihat dan bertenaga, tetapi ramai di antara mereka yang semakin lemah keupayaan fizikalnya. Disebabkan keupayaan fizikal warga tua yang semakin berkurang maka sumber-sumber ekonomi mereka juga akan semakin berkurang. Mereka tidak lagi mampu bekerja, dan ini menjadikan kualiti hidup warga tua menurun. Kategori penduduk ini memerlukan penjagaan, sama ada daripada ahli keluarga mereka sendiri, kawan-kawan, jiran tetangga mereka ataupun kerajaan. Terdapat dua jenis sokongan kepada warga tua, iaitu sokongan tidak formal dan sokongan formal. Sokongan formal berfungsi menyediakan perkhidmatan yang bertujuan menambah, melengkap ataupun menggantikan sokongan tidak formal daripada ahli keluarga dan lain-lain (Cantor & Little 1985). Malah tanggungjawab memberikan sokongan kepada warga tua perlu dikongsi bersama di antara sistem sokongan tidak formal dengan sokongan formal (Shanas 1980). Litwak (1985) mengatakan semua keperluan warga tua akan dapat dipenuhi dengan berkesan apabila terdapatnya kerjasama yang erat dan seimbang di antara sistem sokongan tidak formal dengan sokongan formal. Sokongan tidak formal itu sendiri dianggap tidak mampu berfungsi dengan baik tanpa kerjasama sokongan formal.

Di negara maju warga tua lebih suka hidup dan tinggal di rumah mereka sendiri daripada memilih tinggal bersama anak-anak. Warga tua di sana, disebabkan pelbagai sumber ada dan kemudahan yang mesra warga tua, mereka lebih suka hidup sendiri. Kecuali warga tua yang miskin, dan memerlukan penjagaan kesihatan yang intensif, warga tua yang sihat dan mempunyai sumber kewangannya sendiri lebih suka tinggal bersama pasangan masing-masing. Kebanyakan warga tua di Malaysia tidak mempunyai sumber pendapatan sebagai jaminan kewangannya sendiri. Mereka terpaksa terus bekerja walaupun sudah mencapai umur lanjut (Masitah dan Nazileh 1988), menjadikan anak dan ahli keluarga bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penjagaan dan kesejahteraan warga tua (Chen & Jones 1989; Ogawa 1992).

Tidak semua warga tua dijaga dengan baik oleh ahli keluarga mereka. Ada sebahagian warga tua yang ditinggal dan dibiarkan oleh anak-anak dan ahli keluarga. Ada kecenderungan sekarang semakin ramai warga tua ditinggal dan dibiarkan oleh anak-anak. Warga tua yang ditinggalkan ini berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah kasih sayang, masalah penjagaan, masalah pekerjaan, masalah kewangan, masalah kesihatan, masalah tempat tinggal yang wajar, masalah keselamatan, dan lain-lain. Bagi membantu warga tua yang bermasalah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan sembilan buah Rumah Seri Kenangan (RSK) di Semenanjung Malaysia. Matlamat RSK ini ditubuhkan untuk menjamin keselesaan dan ketenteraman warga tua dengan memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna agar kesejahteraan warga tua dapat ditingkatkan. Melalui rumah ini warga tua yang terbiar akan terjaga. (Zainab Ismail dan Wan Ibrahim, 2006)

- a) Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah
- b) Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak
- c) Rumah Seri Kenangan Kamunting, Perak
- d) Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor
- e) Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan
- f) Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka
- g) Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Kelantan
- h) Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor
- i) Rumah Seri Kenangan Kangar, Perlis

Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Hazrin Adilah (dlm. proses) dalam satu makalah berkaitan dengan pengalaman warga tua di Rumah Seri Kenangan di Taman Kemumin, Kelantan, menunjukkan 60 peratus warga tua yang memasuki RSK itu tidak mempunyai hubungan yang baik dengan anak-anak sehingga membawa mereka memasuki RSK. Ada kecenderungan terdapat ramai lagi warga tua dalam komuniti yang ditinggal dan dibiarkan oleh anak-anak. Penulis tersebut juga menunjukkan warga tua penghuni ini menyatakan kehidupan mereka sebelum memasuki RSK adalah "ibarat hidup segan, mati tak mahu". Bagi warga tua yang memiliki anak, mereka diabaikan dan tidak dipedulikan. Walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah kasih sayang, warga tua ini menyatakan mereka pada umumnya gembira dengan kehidupan mereka selepas memasuki RSK.

Masalah Kesihatan Warga Tua

Masalah kesihatan merupakan masalah utama warga tua. Isu kesihatan ini dianggap sebagai satu isu penting yang berkaitan dengan pelbagai aspek lain warga tua itu sendiri. Malah kesihatan dianggap sebagai indikator penting

kesejahteraan warga tua. Warga tua yang lebih sihat pada umumnya akan lebih sejahtera. Fasilitas perubatan merupakan aspek penting dalam konteks menangani masalah kesihatan warga tua. Aksesibiliti warga tua serta ahli keluarga itu sendiri kepada pusat perkhidmatan kesihatan juga merupakan isu yang perlu mendapat perhatian. Adakah fasilitas perubatan, hospital awam atau klinik-klinik perubatan kerajaan di Malaysia boleh dikatakan mencukupi atau bersesuaian dengan warga tua? Adakah fasilitas-fasilitas ini mudah diperolehi warga tua? Oleh yang demikian negara yang mempunyai jumlah penduduk tua yang ramai berhadapan dengan persoalan perkhidmatan perubatan ini untuk memenuhi keperluan warga tua yang semakin meningkat.

Dari segi taburan geografi, sebahagian besar warga tua di Malaysia menetap di luar bandar. Pengalaman penulis dengan kehidupan warga tua desa menunjukkan kesempaian masyarakat luar bandar, khususnya warga tua kepada perubatan moden atau klinik kerajaan boleh dikatakan rendah. Jika ada masalah kesihatan, mereka lebih suka mencari sumber alternatif lain. Atau bagi warga tua yang ingin mendapat rawatan di klinik kerajaan, mereka menghadapi kesukaran untuk berjumpa doktor kerana masalah pengangkutan dan seringkali tidak mempunyai anak-anak untuk menghantar mereka. Masalah lain ialah kos penjagaan dan rawatan yang tinggi. Banyak jenis penyakit warga tua yang memerlukan kewangan yang besar, sedangkan penyakit warga tua pada umumnya memerlukan warga tua mendapat rawatan yang berterusan. Penyakit buah pinggang umpamanya, satu jenis penyakit yang banyak menyerang warga tua, memerlukan kos yang besar untuk merawatnya, sedangkan fasilitas di hospital kerajaan amat menyedihkan. Tidak ramai warga tua berpeluang mendapat rawatan di hospital kerajaan untuk penyakit ini. Kerana kekurangan fasilitas warga tua terpaksa mendapat rawatan di hospital swasta atau pusat homodealisis persendirian yang memerlukan kos yang tinggi.

Pekerjaan dan Jaminan Kewangan

Pekerjaan dan jaminan kewangan adalah satu lagi isu kebajikan sosial yang amat berkaitan dengan warga tua. Ini adalah kerana apabila mencapai umur tua, kebanyakan orang tidak lagi mempunyai keupayaan untuk terus bekerja. Bagaimanapun kebanyakan warga tua di Malaysia, mahu ataupun tidak, terpaksa terus bekerja walaupun sudah mencapai umur lanjut. Mereka hanya akan berhenti bekerja apabila sudah tidak lagi berdaya untuk melakukan sebarang pekerjaan. Peluang-peluang pekerjaan yang ada pula menawarkan upah yang kurang sesuai dengan warga tua. Keadaan ini menjadikan warga tua kekurangan pendapatan dan akan terjebak dengan masalah kemiskinan. Masalah kemiskinan wujud kerana warga tua ini tidak mempunyai jaminan kewangan untuk menyara kehidupan semasa umur tua. Hanya sebahagian kecil warga tua yang berpeluang mendapat skim pencen yang dianggap jaminan penting untuk kehidupan di hari tua. Kecukupan pendapatan daripada skim inipun amat bergantung kepada potongan gaji mereka kepada KWSP.

Disebabkan gaji yang rendah semasa berada dalam sekor awam, maka gaji yang diterima selepas pencen juga adalah amat rendah dan kadangkala tidak mencukupi untuk kehidupan yang layak. Warga tua yang lain terpaksa bergantung harap kepada anak-anak sebagai jaminan kewangan semasa tua serta sumbangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hasil kajian yang dilakukan oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad (1999) ke atas warga tua desa di Kelantan menunjukkan sebahagian besar warga tua di situ mempunyai pendapatan yang agak rendah, dengan purata sebanyak RM298.00 sebulan. Pendapatan tertinggi hanya RM2400.00, dan pendapatan terendah ialah RM50.00. Pendapatan median bagi warga tua yang dikesan daripada kajian beliau ialah RM210.00, dengan pendapatan mod pula ialah RM200.00. Daripada maklumat ini, dapat dikatakan kebanyakan warga tua adalah miskin yang juga menggambarkan mereka memerlukan jaminan kewangan daripada sumber-sumber lain, anak-anak ataupun kerajaan.

Masalah Perumahan

Masalah perumahan adalah satu lagi masalah yang dihadapi oleh kebanyakan warga tua di Malaysia, lebih-lebih lagi warga tua desa. Ramai warga tua yang tinggal di rumah-rumah usang dan tidak mempunyai fasiliti pendukung yang sempurna. Disebabkan sebahagian besar warga tua adalah miskin, mereka tidak mempunyai kemampuan untuk tinggal di rumah yang nyaman. Jika kita berkunjung ke kampung-kampung kita berkesempatan bertemu dengan warga tua yang tinggal di rumah-rumah yang tidak berkualiti. Tempat tinggal penting kepada kesejahteraan warga tua. Tanpa tempat tinggal yang baik dan sempurna boleh merendahkan kesejahteraan warga tua. Warga tua yang tidak mempunyai rumah berada dalam keadaan berisiko tinggi dan berhadapan dengan pelbagai masalah sosial, psikologi dan kewangan. Keadaan kesihatan warga tua yang buruk juga amat memerlukan rumah yang selesa. Eastman (1978) mendapati kualiti rumah mempunyai hubungan yang erat dengan tahap kesejahteraan hidup warga tua, dan hubungan antara dua variabel ini bertambah kuat apabila terdapatnya isi rumah yang mempunyai masalah kesihatan.

Keadaan yang sama ditunjukkan oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad (1999) yang mendapati terdapat hubungan positif yang kuat di antara variabel kualiti perumahan dengan tahap kesejahteraan warga tua di pedesaan Kelantan. Daripada beberapa variable yang digunakan dalam model analisisnya, kualiti perumahan merupakan variabel yang paling kuat pengaruhnya ke atas

kesejahteraan (material) warga tua di kawasan kajiannya. Oleh itu dikatakan semakin baik kualiti perumahan, semakin tinggi tahap kesejahteraan material warga tua, atau warga tua yang lebih sejahtera dari segi material, selalunya mempunyai rumah yang lebih berkualiti. Warga tua yang tidak mempunyai rumah, berada dalam keadaan berisiko tinggi dan ada ditemui di kawasan kajian warga tua tanpa rumah mempunyai pelbagai masalah sosial, psikologi dan kewangan, sedangkan keadaan kesihatan warga tua yang buruk memerlukan rumah yang selesa, sebab seperti yang telah ditunjukkan oleh Eastman (1978) yang menganalisis keadaan ini, mendapati kualiti perumahan mempunyai kaitan erat dengan tahap kesejahteraan hidup, dan hubungan di antara dua variabel ini bertambah kuat apabila terdapatnya isi rumah yang mempunyai masalah dari segi kesihatan. Berdasarkan alasan ini, wajarlah variabel ini mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kesejahteraan warga tua. Pentingnya pengaruh kualiti perumahan ini adalah selaras dengan hasil kajian beberapa pengkaji lain yang juga mengkaji aspek ini dan mendapati kualiti perumahan adalah penting untuk kesejahteraan warga tua. Daripada pelbagai kajian yang telah dibuatkan (umpamanya, Campbell et al. 1976; Harris, 1978; Estman, 1978 dan juga Cantor dan Little, 1985), semuanya menunjukkan variabel ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesejahteraan warga tua, dan mendapati kualiti rumah yang baik boleh meningkatkan tahap keselesaan dan seterusnya kesejahteraan tanggapan mereka.

PENYELIDIKAN MENGENAI WARGA TUA DI MALAYSIA: SUMBANGAN SARJANA TEMPATAN

Di luar negara kajian mengenai warga tua telah banyak dilakukan. Minat untuk menjadikan warga tua sebagai sasaran penyelidikan telah lama bermula di Barat, dan kerana itu sehingga sekarang kajian mengenainya didominasi oleh sarjana luar negara. Nama-nama seperti Robert H. Binstock, Ethel Shanas, George L. Moddox, George C. Myers, James H. Schulz, W. Andrew Achenbaum, Toni C. Antonucci, Vern L. Bengston, Richard T. Campbell, Virginia C. Little, Marjorie Cantor dan Akikso Hashimoto, sekadar beberapa nama, adalah antara tokoh utama kajian warga tua kebelakangan ini. Keadaan ini selaras dengan pertumbuhan disiplin ini yang terjadi di luar negara serta peningkatan lebih awal jumlah warga tua yang berlaku secara mendadak di negara-negara tersebut. Keadaan ini juga disebabkan banyak di antara negara maju telahpun layak dikategorikan sebagai negara berpenduduk tua sejak tahun 1950 dahulu lagi berbanding negara membangun yang hanya mengalami peningkatan warga tua secara sekuler bermula di sekitar awal tahun 1970-an. Jumlah warga tua yang ada dalam struktur penduduk pada waktu itu tidak dilihat sebagai satu akibat demografi yang perlu diberikan perhatian. Kelambatan peningkatan jumlah dan peratusan warga tua ini di negara membangun menyebabkan kesedaran mengenai warga tua agak lambat dan kerana itu kajian mengenai warga tua di luar negara didominasi oleh para

sarjana negara maju. Kajian mengenai warga tua mempunyai sejarah yang panjang¹. Ahli matematik Belgian, Lambert Quetelet adalah ahli gerontologi pertama dalam konteks kajian mengenai warga tua. Beliau dianggap ahli gerontologi pertama kerana berjaya menghasilkan statistik deskriptif mengenai penyebaran sifat tingkah laku manusia berdasarkan umur yang telah dilakukan sejak tahun 1800-an lagi. Oleh itu dapat dikatakan disiplin gerontologi sudah mula menjadi perhatian sejak tahun 1800-an dahulu lagi. Seterusnya kajian berskala besar pertama yang berkaitan dengan penuaan ialah kajian oleh Sir Francis Galton yang mengkaji 17 aspek kemampuan manusia berdasarkan umur, seperti perbezaan dalam ketepatan pandangan atau reaksi masa ke atas 9 000 pelawat Pameran Kesihatan Antara Bangsa di London, 1884 (Ward, 1979).

Kajian saintifik mengenai penuaan merupakan fenomena abad ke-20 (Ward, 1979). Kajian awal warga tua di awal abad ke-20 banyak menekankan kepada aspek biologi penuaan dan memasukkan kajian mengenai warga tua ini dalam psikologi perkembangan (Birren & Clayton, 1975). Pengkaji-pengkaji seperti Minot (*The Problems of Age, Growth and Death*, 1908), Metchnikoff (*The Prolongation of Life*, 1908), Child (*Senescence and Rejuvenescence*, 1915) dan Pearl (*Biologi of Death*, 1922) merupakan beberapa pengkaji awal yang mengkaji secara saintifik pelbagai aspek penuaan daripada sudut biologi (Ward, 1979). Kajian mengenai warga tua dari sudut psikologi perkembangan dapat dilihat dengan terbitnya buku *Senescence: The Second Half of Life*, hasil kajian yang dilakukan oleh G. Stanley Hall (1922). E.V. Cowdry juga menghasilkan buku berjudul *Problems of Age* (1939), dan ia dianggap bapak gerontologi modern (Schwartz, Snyder & Peterson, 1979).

Kajian mengenai warga tua di Malaysia boleh dikatakan masih baru dan masih belum meluas. Kajian mengenai warga tua di sini juga boleh dikatakan dipelopori oleh sarjana luar negara. *The Effect of Modernization on Rural Malay Aged* karya Heather Strange (1980), satu kajian untuk ijazah PhD yang dilakukan di Terengganu boleh dikatakan sebagai mercu tanda atau pembuka jalan kepada kajian warga tua di Malaysia. Kajian mengenai warga tua sebelum itu boleh dikatakan masih lagi tidak begitu menarik perhatian para penyelidik. Penyelidik yang ada lebih berminat dengan kajian-kajian ke atas fertiliti, migasi, perceraian, atau beberapa aspek demografi lain. Kajian Strange menunjukkan di sebalik proses modenisasi, anak-anak di negeri itu tidak mengabaikan warga tua. Anak lelaki atau perempuan selalu memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan. Jiran tetangga juga penting dalam memberikan sokongan psikologi dan amat berguna ketika sakit. Sebelum tahun 1980-an kajian seumpama ini masih belum diteroka (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2000b).

¹Perbincangan bahagian ini dapat dilihat juga dalam Wan Ibrahim Wan Ahmad (2000b)

Kajian-kajian khusus mengenai warga tua yang berskala besar di peringkat nasional seperti yang pernah dilakukan dalam aspek penduduk yang lain, khususnya demografi boleh dikatakan belum meluas. Penglibatan sarjana tempatan ke atas bidang ini juga boleh dikatakan masih belum begitu meluas. Peningkatan kategori penduduk tua dalam struktur penduduk telah menjadi gerak kuasa utama yang mempengaruhi sarjana tempatan dalam meningkatkan minat mereka ke arah memberikan tumpuan kajian ke atas warga tua. Kebanyakan mereka yang terlibat secara langsung dan banyak memberikan tumpuan ke atas warga tua sehingga sekarang adalah mereka yang berasal daripada pelbagai bidang pengajian, termasuk ahli gerontologi sendiri, sosiologi, demografi, geografi, ekonomi, ahli pemakanan, dan malah ahli perubatan juga ada yang menaruh minat mengenai warga tua ini. Nama seperti Chan Kok Eng, Jean pala, Masitah dan Nazileh, Angeliqne Chan, Zaitun Yassin, Tengku Aizan serta Wan Ibrahim Wan Ahmad adalah antara sarjana tempatan awal yang membicarakan persoalan kajian mengenai warga tua. Mereka ini telah meletakkan batu asas berkaitan kajian-kajian mengenai warga tua di Malaysia. Arah kajian berkaitan warga tua banyak tertumpu kepada disiplin dan sumbangan tokoh-tokoh tersebut. Sekadar beberapa kajian berkaitan, kajian ini tertumpu kepada persoalan pertumbuhan dan taburan keruangan penduduk tua (Chan Kok Eng, 1994; Jean Pala, 1998; 2005); hubungan sosial dan pengaturan tempat tinggal (Masitah dan Nazileh, 1988); sokongan sosial dan penjagaan warga tua (Tengku Aizan, 1995; Wan Ibrahim Wan Ahmad, 1999); pemakanan dan kesihatan (Zaitun Yassin, 1989) serta kesejahteraan dan kualiti hidup (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 1999).

Chan Kok Eng (1994), sesuai dengan minatnya sebagai seorang ahli geografi penduduk, telah melakukan banyak kajian mengenai warga tua sejak awal 1980-an lagi. Dalam *An Overview of Population Ageing In Malaysia With Special Reference to Productive Ageing*, serta dalam pelbagai kertas kerja lain yang dibenteng di dalam ataupun di luar negara, beliau telah menunjukkan Malaysia sedang menuju ke arah penuaan penduduk. Warga tua di Malaysia semakin bertambah, di mana berdasarkan kepada Chan, kejatuhan kadar jumlah kesuburan yang terjadi antara 1970-1990 merupakan penyumbang utama penuaan penduduk di Malaysia. Jean (1998; 2000) pula, berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1991 dan 2000, telah menganalisis dan membentangkan ciri-ciri warga tua dan fenomena penuaan penduduk di Malaysia. Untuk menunjukkan warga tua di Malaysia semakin bertambah, beliau telah merujuk kepada banci-banci penduduk di Malaysia sebagai perbandingan. Daripada analisis mengenai aspek ini banyak data penting mengenai warga tua, terutama dari segi profil demografi, ciri-ciri sosial, aktiviti ekonomi dan kehidupan warga tua di Malaysia dapat diketahui.

Kajian Masitah dan Nazileh (1988), melalui *Socio-economic Consequences of the Ageing of Population Survey*, yang dijalankan pada 1986 di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, merupakan di antara segelintir hasil

kajian mengenai warga tua di negara ini. Kajian ini merupakan sumbangan penting dan boleh juga dikatakan sebagai sumbangan awal ke atas bidang warga tua di negara ini sehingga ianya selalu dirujuk oleh para pengkaji warga tua, khususnya dalam aspek hubungan sosial dan pengaturan tempat tinggal warga tua di Malaysia berikutnya. Mereka menunjukkan 48.9 peratus warga tua yang menjadi sampel kajian itu tinggal bersama pasangan dan ahli keluarga. Walaupun terjadi pemisahan tempat tinggal, di mana ramai anak muda telah berhijrah ke bandar, mengikut Masitah dan Nazileh, hubungan sosial dengan warga tua di kampung masih diteruskan, dan mereka, secara berterusan menziarah dan menghantar belanja kepada warga tua mereka di kampung.

Menyusul kajian Masitah dan Nazileh (1988), ialah kajian ke atas aspek pemakanan dan kesihatan yang dilakukan oleh Zaitun Yassin (1989) yang menyelidik beberapa indikator status pemakanan warga tua wanita desa di Negeri Sembilan. Kajian ini juga adalah satu kajian besar kerana hasil daripadanya pengkaji berjaya mendapatkan ijazah Ph.D dalam bidang ini. Sehingga sekarang beliau adalah di antara segelintir sarjana tempatan yang menyiapkan tesis Ph.D dalam bidang warga tua di Malaysia. Hasil kajiannya antara lain menunjukkan warga tua wanita desa secara relatifnya adalah sihat, hidup dalam persekitaran fizikal yang baik dan berpartisipasi secara aktif dengan keluarga dan komuniti. Selain itu aspek sokongan keluarga dan penjagaan juga banyak dianalisis oleh Tengku Aizan. Tengku Aizan seorang sarjana tempatan yang tidak asing, mendapat Ph.D dalam bidang gerontologi melalui tesisnya yang bertajuk *Correlates of Filial Responsibility among Malay Families in Selangor, Malaysia* pada awal 1990-an. Beliau juga boleh dianggap sebagai ahli gerontologi terawal Malaysia yang menumpukan perhatian ke atas warga tua. Sejak menyelesaikan pengajian Ph.D-nya, malah sebelum beliau memperolehi Ph.D dalam bidang tersebut lagi beliau telah menaruh minat yang mendalam ke atas warga tua. Dalam salah satu kertas kerjanya (1995), beliau membincangkan peranan yang perlu dimainkan kerajaan, komuniti dan keluarga dalam menangani permasalahan warga tua dan menghadapi perubahan masyarakat masa depan. Sehingga kini, beliau adalah di antara tokoh utama gerontologi di Malaysia yang dikira banyak memberikan sumbangan besar ke atas perkembangan dan kemajuan bidang ini di Malaysia hari ini.

Satu tema lain yang akhir-akhir ini mendapat perhatian para pengkaji ialah tema kesejahteraan dan kualiti hidup warga tua. Wan Ibrahim Wan Ahmad (1999) dalam satu kajian di kawasan pedesaan negeri Kelantan telah cuba meneroka permasalahan kesejahteraan dan kualiti hidup warga tua, satu aspek yang sebelum ini masih belum diteroka oleh penyelidik warga tua. Tema kesejahteraan dan kualiti hidup merupakan tema baru dalam konteks kajian mengenai warga tua di Malaysia. Sehingga kinipun tema ini masih tidak begitu menjadi tumpuan penyelidik warga tua disebabkan konsepnya yang

kurang jelas. Tema ini juga berhadapan dengan masalah pengukuran untuk mengoperasionalkannya dalam penyelidikan. Dengan berbekalkan minat dan ilmu yang dipupuknya melalui bidang demografi sosial, Wan Ibrahim Wan Ahmad telah meneroka permasalahan ini melalui tesis Ph.D-nya yang berjudul *Hubungan Sosial, Sokongan dan Kesejahteraan Warga Tua di Pedesaan Negeri Kelantan*. Melalui penerokaannya beliau berjaya mewujudkan dua model pengukuran dan membentuk dua skala untuk menganggarkan tahap kesejahteraan sebenar (material) dan kesejahteraan tanggapan (subjektif) warga tua di kawasan kajiannya. Analisis mengenai kesejahteraan subjektif dan kesejahteraan material ini dapat dilihat melalui Wan Ibrahim Wan Ahmad et al. (2009; dlm. proses).

Daripada kajiannya itu Wan Ibrahim Wan Ahmad menunjukkan warga tua desa masih lagi dapat mempertahankan tahap kesejahteraan dan kualiti hidup mereka walaupun mereka agak miskin dari segi kekayaan material. Beliau menunjukkan warga tua di kawasan itu tidak diabaikan oleh ahli keluarga serta jiran tetangga. Walaupun kebanyakan mereka miskin, tetapi tahap kesejahteraan mereka memuaskan disebabkan sokongan sosial yang pelbagai daripada ahli keluarga serta jiran terdekat. Dalam konteks sokongan, kajian menunjukkan bahawa pasangan, anak dewasa serta jiran tetangga mempunyai peranan yang berbeza. Pasangan dan anak dewasa didapati penting kepada warga tua sebagai sumber sokongan emosi. Anak dewasa juga penting dalam konteks sokongan kewangan, sementara sokongan agama dan informasi pula banyak diperolehi daripada jiran tetangga. Kajian mengenai kesejahteraan dan kualiti hidup yang telah dirintis beliau ini boleh dianggap sebagai pembuka jalan kepada kajian-kajian lain mengenainya di Malaysia pada masa yang akan datang. Selain pengkaji di atas, ada beberapa lagi pengkaji lain yang turut terlibat secara intensif dengan kajian-kajian besar warga tua dengan tertubuhnya Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Melalui institut ini kajian warga tua oleh pengkaji tempatan menjadi semakin rancak. Institut ini juga melalui pengarahnya YM. Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, kerap menganjurkan seminar dan melaksanakan banyak projek penyelidikan berskala besar berkaitan warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia. Ada sebahagian daripada penyelidikan yang dibuat mendapat sejumlah dana yang besar daripada kerajaan sendiri serta badan-badan luar negara. Institut ini juga pernah mendapat dana berjumlah jutaan ringgit daripada IRPA. Ruang lingkup penyelidikannya juga meluas daripada profil sosiodemografi dan ekonomi, kemiskinan, perumahan, hubungan kekeluargaan hinggalah kepada kualiti hidup. Kesan nyata penubuhan institut ini ialah lahirnya ramai tenaga akademik yang turut berkecimpung ke atas kajian mengenai warga tua di Malaysia.

Selain itu ada juga beberapa tokoh sekarang ini bergiat aktif dalam Persatuan Gerontologi Malaysia (Gerontological Association of Malaysia/GEM) yang beribu pejabat di Bandar Baru Bangi, Selangor. Persatuan yang telah ditubuhkan lebih sedekad yang lalu itu, sekarang ini, dipengerusikan oleh Puan Masitah Mohd Yatim, seorang tokoh awal gerontologi di Malaysia. Persatuan ini sebelum ini pernah dipengerusikan oleh YM. Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, ahli gerontologi terkenal di Malaysia. Persatuan ini, dengan bantuan dana daripada pelbagai agensi, giat melakukan penyelidikan dan mengumpulkan maklumat berkaitan warga tua. Persatuan ini juga giat menganjurkan pelbagai seminar bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kerajaan dan orang ramai mengenai permasalahan dan isu-isu berkaitan dengan warga tua dan penuaan penduduk. Selain menganjurkan seminar untuk menyebarkan berita dan maklumat merangsang kerajaan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada warga tua dan permasalahan yang dihadapi oleh kategori penduduk ini, persatuan ini juga ada mengeluarkan Berita GEM yang memuatkan pelbagai maklumat mengenai warga tua. Satu lagi persatuan yang bergiat aktif dalam kerja-kerja warga tua ialah USIAMAS. Persatuan ini dipengerusikan oleh Ybhg. Dato' Abdullah Malim Baginda, tokoh yang sudah lama berkecimpung dengan aktiviti warga tua, dan telah banyak menulis dan membentangkan pelbagai kertas kerja di pelbagai seminar di peringkat antarabangsa mengenai warga tua. Nama Dato' Abdullah Malim Baginda boleh dikatakan sinonim dengan warga tua di Malaysia sehingga jika seseorang bercakap mengenai warga tua di Malaysia adalah dianggap kurang lengkap kiranya nama besar ini tidak disentuh. Jasanya dalam mencorakkan pelbagai program, dasar dan hala tuju warga tua di Malaysia tidak dapat dipertikaikan selaras dengan peranannya sebagai bekas Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang telah menerajui badan ini beberapa ketika dahulu.

KEPERLUAN KAJIAN MENGENAI WARGA TUA DI MALAYSIA

Sebelum tahun 1980-an minat ke atas kajian warga tua masih belum menyerlah di Malaysia. Akhir-akhir ini semakin disedari warga tua adalah satu kategori penduduk yang memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak. Revolusi demografi yang menjadikan penduduk tua dalam masyarakat bertambah telah memaksa banyak pihak memberikan perhatian tertentu ke atas masalah, potensi dan realiti penduduk tua. Revolusi demografi yang terjadi di negara maju akibat penurunan kelahiran, beserta dengan adanya kemajuan dalam teknologi perubatan yang menjadikan penduduk tua bertambah, telah meningkatkan minat dan kesedaran orang ramai terhadap masalah, potensi dan realiti tentang penuaan penduduk (Cox, 1984). Selaras dengan itu, kajian-kajian mengenai warga tua menjadi lebih intensif, dan tema tumpuannya juga menjadi lebih pelbagai. Di Malaysia kajian mengenai warga tua adalah satu

fenomena baru. Setakat yang dapat dikesan kajian-kajian mengenai warga tua ini baru dimulai di Malaysia pada dekad-dekad 1980-an. Sebelum dekad tersebut boleh dikatakan tidak ada kajian khusus berkaitan dengan warga tua yang dijalankan di Malaysia.

Ada beberapa sebab mengapa kajian mengenai warga tua tidak mendapat perhatian sarjana tempatan di Malaysia sebelum tahun-tahun 1980-an. Pertama, kategori penduduk tua masih belum begitu menonjol dalam struktur penduduk di Malaysia. Pada masa-masa tersebut jumlah warga tua masih belum begitu ramai. Jangkaan hayat sebahagian besar penduduk di Malaysia pada waktu itu juga adalah masih rendah berbanding sekarang. Keadaan ini menyebabkan keperluan ke atas kajian mengenai permasalahan warga tua adalah tidak begitu mendesak. Kedua, masalah sosial yang terjadi dalam masyarakat yang berjaya menarik minat ramai pengkaji, tidak begitu banyak melibatkan warga tua. Walaupun mereka banyak terlibat dalam masalah seperti kemiskinan dan pengabaian, tetapi fenomena ini hanya dilihat sebagai bukan masalah khusus warga tua. Ketiga, warga tua pada masa-masa sebelum ini sering dianggap sebagai tidak dapat menyumbangkan apa-apa lagi kepada masyarakat dan negara. Mereka sudah dianggap sebagai tidak lagi berupaya dari segi fizikal dan idea untuk menyumbang ke arah pembangunan negara. Keempat, kajian-kajian mengenai kependudukan pada waktu itu banyak tertumpu kepada fertiliti. Ini adalah kerana terdapat kefahaman yang meluas berikutan fahaman aliran Malthus yang percaya peningkatan dalam kadar fertiliti menjadi penghalang kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara. Oleh kerana itu banyak usaha ditumpukan kepada penyelidikan fertiliti, khususnya untuk mencari jalan penyelesaian bagaimana negara boleh menurunkan kadar fertiliti yang dikatakan tinggi. Kelima, disiplin berkaitan dengan warga tua tidak wujud sebagai satu disiplin khusus di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Bidang pengajian mengenai warga tua dianggap sebagai satu bidang yang tidak mendesak, lebih-lebih lagi warga tua dianggap sebagai tidak mempunyai keperluan khusus yang perlu diberikan perhatian khusus oleh negara.

Selaras dengan peningkatan jumlah warga tua dalam masyarakat, maka kajian-kajian mengenai warga tua dirasakan semakin perlu. Keperluan ke atas kajian mengenai warga tua ini dapat diperhatikan melalui sebab-sebab berikut; pertama pertambahan jumlah warga tua bukan sahaja terjadi di peringkat global, malah di negara membangun khususnya di Malaysia juga mengalami peningkatan yang luar biasa. Peratusan peningkatan warga tua di peringkat global banyak terjadi di negara membangun, malah ada pelunjuran yang menunjukkan negara membangun akan menjadi rumah bagi sebahagian besar warga tua dunia sedikit masa lagi. Selaras dengan peningkatan ini maka perhimpunan warga tua sedunia yang diadakan di Vienna tahun 1992 telah menyeru semua negara memberikan perhatian istimewa kepada persoalan berkaitan dengan warga tua di negara masing-masing. Kedua, dari hari ke hari

semakin disedari warga tua juga banyak terlibat dalam kancah masalah sosial semasa sama ada masalah berpunca daripada warga tua itu sendiri mahupun berpunca daripada ahli keluarga serta jiran tetangga mereka. Selaras dengan itu pengabaian ke atas warga tua sekarang ini menjadi masalah yang tidak asing dalam masyarakat. Ekoran daripada itu juga sekarang ini semakin ramai penguin rumah-rumah kebajikan serta rumah Sri Kenangan yang menempatkan warga tua. Pada masa dahulu rumah-rumah ini dihuni oleh warga tua tanpa waris, tetapi kini ramai di antara mereka adalah warga tua yang mempunyai anak yang kaya raya dan mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat.

Ketiga, orang ramai semakin menyedari warga tua adalah salah satu kategori penduduk penting yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Mitos warga tua adalah golongan yang lemah semakin dilupakan orang. Tenaga buruh, idea dan pengalaman warga tua semakin dipandang penting kepada pembangunan negara, dan kerana itu kajian-kajian mengenainya perlu menjadi lebih intensif. Keempat, perubahan fertiliti sedang terjadi secara drastik di kebanyakan negara membangun, termasuk Malaysia, sementara kajian-kajian mengenainya sudah dijalankan dalam pelbagai aspek. Sehingga sekarang literatur mengenai fertiliti boleh dikatakan amat banyak. Selain itu banyak negara maju yang sebelum ini mengamalkan polisi antinatalist kini mengubah paradigma kepada pronatalist dan telah memberikan pelbagai insentif kepada penduduknya yang melahirkan anak yang ramai. Hal ini adalah disebabkan berlaku pengurangan yang drastik dalam pertumbuhan penduduknya, malah ada negara yang mengalami pertumbuhan penduduk yang negatif. Dengan itu fertiliti tidak lagi dianggap aspek istimewa kependudukan yang perlu diberikan penekanan. Selaras dengan itu juga warga tua menjadi semakin digemari pengkaji bidang kependudukan. Kelima, disiplin berkaitan dengan warga tua telah wujud sebagai satu disiplin di institusi pengajian tinggi di Malaysia, sesuatu yang terlalu baru. Hal ini telah memberikan ruang dan peluang yang baik kepada tenaga akademik untuk berlumba-lumba memberikan tumpuan kepada disiplin ini untuk meraih pelbagai insentif akademik. Kewujudan disiplin ini telah membantu menjadikan kajian mengenai warga tua menjadi lebih rancak.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan warga tua adalah satu kategori penduduk yang sedang mengalami peningkatan dalam semua masyarakat di dunia. Malaysia, walaupun jumlah dan peratusan warga tuanya masih lagi kecil, juga sedang berhadapan dengan masalah pertambahan warga tua. Dengan bertambahnya warga tua dalam masyarakat, banyak isu-isu kebajikan boleh timbul. Usaha yang bersungguh-sungguh daripada anak-anak, keluarga, komuniti serta pemerintah adalah amat diperlukan untuk

mempastikan kesejateraan warga tua terus terjamin. Tanpa adanya usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua komponen ini maka kategori warga tua berhadapan dengan masalah sosial yang serius. Kajian mengenai warga tua adalah satu usaha yang masih baru di kalangan sarjana tempatan. Kajian mengenainya masih belum menyerlah sebelum 1980-an, dan tahun-tahun 1980-an boleh dikatakan sebagai tahun-tahun awal kegiatan kajian mengenai warga tua di negara ini. Disebabkan usaha mengenainya masih dianggap baru maka sehingga kini masih belum ramai sarjana tempatan yang terlibat secara langsung mengenai warga tua di Malaysia. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan sumbangan literatur dalam bidang ini masih belum begitu banyak dan masih banyak aspek warga tua yang memerlukan kajian yang menyeluruh dan mendalam daripada sarjana tempatan. Ini kerana untuk membolehkan bidang ini menjadi satu bidang kajian yang menyerlah dan terkenal, ia melalui pelbagai kajian yang meluas dan mendalam, haruslah mampu mengumpul dan menonjolkan pelbagai maklumat berkaitan dengan isu, potensi, realiti, permasalahan dan pelbagai aspek lain mengenai warga tua di Malaysia. Segala maklumat ini perlu disebarluaskan kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk membolehkan mereka mempunyai pengetahuan yang meluas mengenai warga tua.

RUJUKAN

- Campbell, A. et al. (1976). *The quality of American life*. New York: Russel, Sage.
- Cantor, M & V. Little. (1985). "Aging and social care". Dlm. R.H.Binstock, & E. Shanas (peny.), *Handbook of Aging and the social sciences* (edisi ke-2). New York: Van Nostrand Reinhold.
- Chan Kok Eng. (1994). An overview of population ageing in Malaysia with special reference to productive ageing. Kertas kerja yang dibentangkan di seminar masyarakat penyayang, Kuala Lumpur, 21 September.
- Chen Ai Ju & Jones. G. W. (1989). *Ageing in Asean: Its socio-economic consequences*. Singapore: Institute of South East Asian Study.
- Cox, Harrold. (1984). *Later Life: The realities of aging*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Eastman, K.S. (1978). "Housing satisfaction, life satisfaction, and disability". *Housing and Society*, 5(3): 27-34.
- Harris, R.J. (1978). 'Recent trends in the relative economic status of older adults'. *Gerontology*, 41 (3): 401-408.
- Heisil, M.A. (1984). Ageing in the developing world. *Population Studies* 11(2): 37-51.

- Hooymann, Nancy R & Kiyak, H. Asuman. (1988). *Social gerontology: A multidisciplinary perspective*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1973). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am, Jilid 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1974). *Unjuran penduduk Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1983). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1980, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1995). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1991, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jean Pala. (1998). *Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jean Pala. (2005). *Aliran penuaan penduduk di Malaysia*. Siri Monograf No. I. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kinsella, Kevin & Taeuber, Cynthia M. (1993). *An aging world II*. U.S. Bureau of the Census, international population reports P95/92-3. Washington D.C: U.S Government Printing Office.
- Litwak, E. (1985). *Helping the elderly: The complementary roles of informal networks and formal systems*. New York: Guilford.
- Masitah Mohd. Yatim & Nazileh Ramli. (1988). *Socio economic consequences of the ageing of population survey 1986: Malaysia country report*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara.
- Myers, George C. (1985). "Aging and worldwide population change". Dlm. Robert H. Brinstock dan Ethel Shanas (pnyt.), *Handbook of aging and the social sciences* (edisi ke-2). New York: Van Nostrand Reinhold.
- Myers, George C. (1990). "Demography of aging". Dlm. Binstock dan Linda K. George (pnyt.), *Handbook of aging and the social sciences* (edisi ke-3). California: Academic Press.
- Ogawa, Naohiro. (1992). "Resources for the elderly in economic development". Dlm Hal L. Kendig et al. (pnyt.), *Family support for the elderly. The international experience*. Oxford: Oxford University Press.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1982). *Report of the world assembly on aging, Vienna, 26 July to 6 August 1982*. United Nations: New York.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1987). *Population aging: Review of emerging issues*. Asian population studies series No. 80. Bangkok: Economic and Social Commission for Asia and the Pacific.

- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1988). *World population prospects: Estimates and projections as assessed in 1982*. New York: Department of International Economics and Social Affairs.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1991). *Sex and age distributions of population*. New York: Department of International Economics and Social Affairs.
- Schwartz, A.N., C. L. Snyder & J. A. Peterson. (1979). *Aging and life. An introduction to gerontology*. New York: Holt Rinehart.
- Shanas, E. (1980). "Older people and their families: The new pioneers". *Marriage and The Family*, (Feb): 9-15.
- Strange, H. (1980). The effect of modernization on rural Malay aged - A pilot study. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 1 (2): 19 - 38.
- Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid. (1995). "Responsibility of caring society towards the elderly". Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar on the Role of Senior Citizens in a Changing Malaysian Society. Kuala Lumpur: 8 Oktober.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Hazrin Adilah. Daripada komuniti kepada institusi: Menyelami kehidupan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin, Kelantan (dlm. proses).
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. (2006a). Warga Tua Sebagai Sasaran Dakwah: Pengalaman di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Islamiyyat* 28: 3-27.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. (2006b). Penuaan penduduk dan warga tua di Malaysia: Isu kebajikan sosial semasa. Simposium Pembangunan Komuniti Marginal (SIPKOM 2006), Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, Petaling Jaya, 12 – 14 September.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ma'arof Redzuan, Zahid Emby & Abdul Halin Hamid (2009). Kesejahteraan subjektif warga tua di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *International Journal of Management Studies* (dlm. proses).
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ma'arof Redzuan, Zahid Emby & Abdul Halin Hamid. Kesejahteraan material warga tua desa: Data mikro daripada Limbongan, Kelantan. (dlm. proses).
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Zainab Ismail & Che Yusoff Che Mamat. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya Melayu di Malaysia: Kes Masyarakat desa di Kelantan, *The Malaysian Journal of Social Administration* 2: 81-103.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (1999). Hubungan sosial, sokongan dan kesejahteraan warga tua di pedesaan negeri Kelantan. Tesis Ph.D, Fakulti Ekologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2000a). Penjagaan warga tua pada abad ke-21: Tanggung jawab keluarga atau pemerintah? Dlm. Abdul Rahman Embong (pnyt.). *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia*. Bangi: UKMalaysia.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2000b). Gerontologi: Skop, perkembangan dan arah kajiannya di Malaysia. Dlm. Rahimah Abd. Aziz & Muhd. Yusoff Ismail (pnyt.) *Masyarakat, budaya dan perubahan*. Bangi: UKMalaysia.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2006). Fenomena ibu tunggal dan masa depan warga tua desa di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial* 9: 85-108.
- Ward, R.A. (1979). The never married in later life. *Gerontology*, 34(6):861-869.
- Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2006). Warga Tua di Malaysia: Masalah dan keperluan kaunseling. Kertas Kerja Simposium Pembangunan Komuniti Marginal (SIPKOM 2006), Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, Petaling Jaya, 12-14 September.
- Zaitun Yassin. (1989). Selected indicators of nutritional status among rural elderly females in Malaysia. Disertasi Ph.D. Iowa State University, Ames, Iowa.

Wan Ibrahim Wan Ahmad *Ph.D*
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA
wiwa@uum.edu.my